

04 JUL 1996
Chua-Doktor
KEKURANGAN DOKTOR BERJAYA DIATASI

IPOH, 4 Julai (Bernama) -- Enam strategi Kementerian Kesihatan bagi mengatasi kekurangan doktor di negara ini, terutamanya di hospital awam telah membuahkan hasil, kata Menteri berkenaan Datuk Chua Jui Meng hari ini.

Beliau berkata, kekurangan itu telah menurun dari 50 peratus ke 40 peratus berikutan dengan perlaksanaan enam strategi ini dan Kementerian berharap angka itu akan menurun ke 20 peratus di hospital kerajaan menjelang akhir tahun ini.

Strategi-strategi itu ialah menggalakkan doktor rakyat Malaysia di negara asing pulang ke tanah air, mengambil doktor asing bekerja secara kontrak dan mengiktirafkan ijazah perubatan daripada universiti asing.

Yang lain ialah menggalakkan penubuhan kolej perubatan swasta, menjadikan hospital awam sebagai institusi mengajar dan mengeluarkan lebih ramai pakar daripada doktor-doktor kerajaan dengan cara menggalakkan mereka belajar sambil bekerja.

Chua yakin ke enam-enam strategi ini akan dapat membantu membawa Malaysia ke status negara maju daripada segi perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan menjelang tahun 2020 apabila nisbah doktor-pesakit 1:2,100 akan turun kepada 1:800.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas upacara memecah tanah Kolej Perubatan Asean-Sheffield (ASMC) oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed di sini.

Mengenai kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan Malaysia, Chua berkata ianya telah meningkat sejak 10 atau 15 tahun lepas.

Beliau berkata negara telah mencapai kematangan daripada segi latihan dan kemahiran dengan doktor-doktor tempatan berkebolehan melakukan pembedahan kompleks seperti pembedahan kardio-thorasik.

"Kalau dahulu kita kekurangan pakar dalam bidang ini sekarang pusat-pusat jantung ditubuhkan di seluruh negara," kata beliau.

Menurut beliau selain daripada Institut Jantung Negara yang diswastakan di Kuala Lumpur, pusat-pusat jantung lain juga akan ditubuhkan di Johor Bahru, Pulau Pinang, Ipoh dan di Sarawak dan Sabah.

Kolej itu yang juga akan mempunyai pusat kardio-thorasik berharga, RM48 juta dijangka siap dalam masa 20 bulan tepat pada masa untuk membolehkan 30 pelajarnya pulang dari Universiti Sheffield dan mengikut kursus pra-klinikal selama tiga tahun di sini. -- BERNAMA

ASM WAT PR